

USAH PUTUS ASA BERDEPAN MASALAH

Oleh: Jati Zulaisyah binti Abu Nasir, 1172448,
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 13 Ogos 2020



Hidup kita tidak dapat lari dari masalah sama ada yang besar atau kecil. Ia penuh dengan perkara-perkara yang tidak menyenangkan.

Kesusahan yang ada pada setiap masalah tentu sahaja berbeza. Ada yang sangat susah untuk dihadapi dan ada juga yang sebaliknya.

Walau bagaimanapun, cara pandang atau persepsi kita terhadap sesuatu masalah biasanya sangat mempengaruhi tahap kesusahan tersebut.

Ramai orang yang membenci masalah dalam hidup. Mereka takut terhadapnya, ingin melarikan diri, berasa sukar menerimanya serta berputus asa.

Kematian menjadikan kewujudan kita di dunia bersifat sementara dan tidak kekal. Oleh itu, permasalahan hidup di dunia ini juga merupakan sesuatu yang bersifat sementara.

Sekiranya kita bersabar dalam menghadapinya, maka kita akan beroleh ganjaran yang besar selepas mati.

Oleh yang demikian, kesusahan dan masalah hidup akan menjadi tidak bererti jika dibandingkan dengan kesenangan yang akan diperolehi di akhirat.

Sebaliknya, jika permasalahan hidup dihadapi dengan keluh-kesah dan putus asa, maka Allah SWT akan mendatangkan kesusahan yang lebih besar di akhirat.

Imam Hasan al-Basri dikisahkan pernah berkata kepada Khalifah Umar bin Abdul Aziz, “Sekiranya engkau memiliki umur Nuh, kekayaan Sulaiman, keyakinan Ibrahim dan kebijaksanaan Luqman, maka engkau tetap akan menghadapi sakitnya kematian. Di balik kematian ada dua tempat kediaman. Kalau engkau terlepas dari tempat yang pertama, engkau akan berakhir di tempat yang kedua.”

Segelintir manusia memutuskan untuk mengakhiri hidupnya ketika menghadapi masalah hidup yang besar. Mereka menganggap semuanya akan berakhir dengan kematian.

Kenyataan ini tidak tepat kerana setelah kita mati, kita akan menghadapi perhitungan. Sekiranya hasil perhitungan kita buruk, kita akan terlepas dari tempat kediaman yang pertama (syurga), seperti yang dikatakan Hasan al-Basri, maka kita akan berakhir di tempat kedua (neraka).

Antara cara untuk mengatasi musibah dan permasalahan hidup adalah melalui usaha dan doa. Namun, sekiranya usaha belum berjaya dan doa belum diperkenankan, itu bukan bererti usaha dan doanya sia-sia.

Usaha dan doa tidak pernah sia-sia kerana kita akan mendapat balasan kebaikan untuk setiap usaha dan doa yang tulus dan ikhlas.

Selain itu, jawapan daripada usaha dan doa tidak semestinya dalam bentuk dan waktu yang kita kehendaki, melainkan menurut bentuk dan waktu yang Allah SWT tentukan.

Syeikh Athaillah as-Sakandari ada menyebut, “Terlambatnya masa pemberian oleh Allah, setelah anda merintih berdoa dan anda tidak berputus asa kerana Allah telah menanggung terkabulnya doa anda menurut pilihan-Nya buat anda. Bukan menurut apa yang anda pilih untuk diri anda serta pada saat yang Dia kehendaki, bukan pada saat yang anda kehendaki.”

Jadi, berusaha dan berdoalah dalam menghadapi permasalahan hidup dan bersabarlah dalam menjalani semua itu.

Insyaa-Allah ada banyak kebaikan yang akan kita perolehi bersama kesusahan tersebut dan akhirnya, semua kesusahan itu akan berlalu juga.

